

## BAB LIMA

### KESIMPULAN DAN CADANGAN

#### 5.1 Pengenalan

Baitul Mal adalah tempat yang dihaskan untuk menyimpan dan menjaga harta kekayaan kaum Muslimin, yakni sebuah institusi yang bertanggungjawab atas pemeliharaan *public property* (harta milik am) termasuk proses peruntukan harta (dana) kepada yang berhak. Berdasarkan tanggung jawab yang dimiliki ini, perkembangan Baitul Mal diharapkan mampu menjadi sebuah institusi yang mempunyai autoriti untuk mewajibkan zakat atau cukai-cukai yang lain. Pemungutan dan pengagihan dana yang ada harus bersandarkan pada ketentuan yang telah dijelaskan dalam al-Quran dan hadith. Zakat merupakan sumber utama Baitul Mal. Zakat diwajibkan ke atas pelbagai harta seorang Muslim, sama ada dalam bentuk wang, harta perniagaan, haiwan mahupun hasil bumi.

Islam telah mensyariatkan ibadah zakat sebagai satu mekanisme yang bertujuan untuk membantu keperitan hidup yang dialami oleh orang-orang yang hidup di bawah garis kemiskinan. Melalui pengurusan yang optimum dan pentadbirannya yang baik, zakat dilihat mampu memberikan penyelesaian dalam masalah kemiskinan, pengangguran dan keadilan ekonomi kerana ianya salah satu sumber dana yang sangat berpotensi untuk pembangunan ekonomi umat. Oleh kerana itu, kewujudan Baitul Mal di Aceh untuk mentadbir zakat, harta agama dan harta lain yang bertujuan untuk pembangunan fakir miskin supaya bebas dari kepompong kemiskinan.

Dalam bab ini penulis mencoba untuk menyimpulkan hasil daripada penyelidikan yang telah dilakukan dalam bab-bab sebelumnya. Kesimpulan tersebut meliputi peranan Baitul Mal Aceh terhadap pembangunan industri kecil yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan ekonomi *mustahik*. Ia membabitkan peranan agihan dana zakat yang dipergunakan dengan pola produktif sebagai modal tambahan terhadap *mustahik* yang mempunyai industri kecil seperti pada sektor perniagaan, penternakan, pertanian, dan sewa beli beca. Selain itu, penulis juga akan mengemukakan beberapa cadangan sama ada yang didapati dari hasil penyelidikan ataupun melalui temu bual dan hasil dari jawapan responden dalam soal selidik.

## **5.2 Kesimpulan**

Seiring dengan lahirnya beberapa peraturan tentang pengurusan zakat di Aceh, Baitul Mal Aceh dan Baitul Mal Negeri/Bandar sudah mula berkembang pesat di serantau Aceh. Institusi kewangan ini mempunyai kedudukan dan peranan yang sangat penting sebagai salah satu institusi ekonomi Islam dalam proses pembasmian kemiskinan dan pembangunan masyarakat yang kurang berkemampuan (*dhuafa*). Ditubuhkannya institusi BMA tersebut merupakan implementasi dari pemahaman umat Islam terhadap prinsip-prinsip *mu'amalah* dalam ekonomi Islam yang selanjutnya diwakilkan dalam bentuk sistem ekonomi Islam sejenis institusi kewangan (simpanan Negara) *non bank*.

Di antara institusi-institusi zakat yang ada di Indonesia, BMA merupakan salah satu institusi yang berbeza dengan institusi zakat yang lain, disebabkan adanya asas undang-undang pada penubuhannya. Organisasi Pengelola Zakat (OPZ) yang ada di

Aceh selain merujuk pada Undang-undang Nombor 38 Tahun 1999 yang berlaku secara umum, juga ada ketentuan khusus berkaitan dengan zakat yang diatur sendiri dalam Undang-undang Nombor 11 Tahun 2006. Selain itu, BMA pula memiliki orientasi meningkatkan ekonomi berasaskan kerakyatan. Selain penubuhannya ditujukan untuk meningkatkan taraf hidup dan kesejahteraan di bidang ekonomi, ianya juga memiliki misi penting bagi pembangunan industri kecil melalui penggunaan dana zakat secara produktif.

Berdasarkan dengan hal tersebut, pembangunan industri kecil khasnya di BMA telah mengalami perkembangan yang cukup pesat jika dibandingkan dengan wilayah-wilayah lain. Hal ini disebabkan adanya tuntutan dan sokongan bagi peranan pengagihan modal usaha zakat produktif dalam pembangunan industri kecil di Aceh, walaupun masih ada beberapa masalah pada sistem. Penyelidikan ini telah memberikan gambaran umum bahawa adanya agihan zakat produktif – Baitul Mal Aceh – telah menjalankan peranannya dalam pembangunan industri kecil, sebagaimana dijelaskan dalam inti pati kesimpulan seperti berikut:

1. Keseluruhan responden *mustahik*, menyatakan pernah memperoleh bantuan modal usaha zakat produktif dari Baitul Mal Aceh dengan jumlah dan bentuk bantuan yang diterima relatif beragam. Dengan bantuan tersebut, hampir seluruh responden menyatakan adanya perubahan atau perbezaan dalam kondisi perekonomian keluarga berbanding dengan masa sebelum menerima agihan bantuan tersebut. Menurut persepsi mereka, perubahan atau perbezaan yang dirasakan itu sangat berkesan dan sesuai dengan keinginan dan keperluan mereka, kerana ianya banyak membantu memenuhi keperluan harian mereka.

2. Baitul Mal Aceh telah berperanan aktif dalam pengagihan pembiayaan yang cukup besar dalam pembangunan industri kecil di Aceh. Antara penunjuk-penunjuk penting tersebut, secara umum dibagi menjadi tiga hal: (a) Dari segi infrastruktur, BMA memiliki potensi dengan besarnya jumlah dana zakat, harta wakaf dan harta agama. Dalam masa yang sama, besarnya peruntukan dana zakat produktif dan terus meningkat pada setiap tahunnya, (b) Dari segi superstruktur, BMA ditadbir oleh pekerja yang berkebolehan dan profesional di bidang zakat. Selain itu, BMA juga memperoleh sokongan positif dari pelbagai pihak dalam mengembangkan industri kecil, (c) Dari segi keberhasilan program, terjarangnya sejumlah kaum dhuafa yang memerlukan tambahan modal usaha melalui pinjaman modal berpusing yang diasingkan dari dana zakat asnaf miskin. Adanya *mustahik* yang berhasil mengembangkan dirinya selama dua atau tiga tahun. Selain itu, bertambahnya pengalaman '*amil* untuk pembangunan kehidupan kaum dhuafa. Integrasi antara ketiga penunjuk-penunjuk ini menempatkan BMA sebagai salah satu institusi yang berperanan penting dalam pembangunan masyarakat miskin.
3. Dalam memainkan peranannya terhadap pembangunan industri kecil di Aceh, eksistensi BMA selain memiliki kekuatan dan peluang, juga berdepan dengan cabaran atau ancaman. Secara umum kekuatan dan peluang yang dimiliki oleh BMA antara lain: Memiliki asas undang-undang yang kuat iaitu sokongan Undang-undang Nombor 11 Tahun 2006 dan Kanun Aceh Nombor 10 Tahun 2007 di antaranya, memiliki variasi dalam pembangunan industri kecil; mekanisme institusi berasas transparensi dan akauntabiliti terbuka serta penerapan syariat Islam secara kaffah. Sedangkan cabaran atau ancaman yang dihadapi UPZP BMA di antaranya, penolakan pelaksanaan zakat secara

produktifs; persepsi keliru dari masyarakat, dan sukar untuk merubah *mustahik* (*deficit*) menjadi surplus (*muzakki*). Di sisi lain, kelemahan dan cabaran datang daripada kalangan usahawan itu sendiri, lemahnya kekuatan dan potensi sumber insani daripada pentadbir zakat produktif. Kelemahan lain pula belum ada format yang standard dalam pentadbiran zakat produktif, tenaga kerja yang terhad, jaringan kerjasama belum memadai, lemahnya pengawasan dan perkhidmatan terhadap aktiviti usahawan.

4. BMA melakukan beberapa strategi dalam rangka mengatasi kelemahan dan menghilangkan/mengurangi ancaman di antaranya: (a) Mempertahankan asas transparensi dan meningkatkan aspek peruntukan dana zakat produktif dengan mekanisme yang mudah dan ringkas sehingga dapat diakses oleh para usahawan, (b) Meningkatkan kualiti sumber insani yang berbakat dan profesional, (c) Mengoptimumkan pengurusan dengan format pentadbiran zakat produktif yang standard, (d) Menambah jaringan kerjasama dengan institusi yang berkaitan, (e) Mengoptimumkan pengawasan dan perkhidmatan terhadap aktiviti usahawan, (f) Mengoptimumkan variasi dan inovasi program penggunaan dana zakat produktif dalam meningkatkan ekonomi usahawan asnaf, (g) Mengutamakan calon usahawan asnaf yang benar-benar memerlukan bantuan penambahan modal dan bersifat jujur, (h) Melakukan sosialisasi secara intensif kepada masyarakat bahawa BMA berasaskan transparensi dan akauntabiliti terbuka, (i) Berusaha mencari jalan penyelesaian yang lebih arif terhadap usahawan yang tidak mahu mengembalikan modal usaha atau melanggar dengan ketentuan dalam penggunaan modal usaha zakat produktif, (j) Berusaha *deficit* zakat (usahawan asnaf) untuk menjadi sosok *surplus* (*muzakki*).

5. BMA berada pada penguasaan strategi untuk menggunakan kekuatan dan peluang untuk mengatasi kelemahan dan ancaman. Kekuatan dan peluang tersebut masing-masing memberikan perakuan yang paling menyokong, iaitu:
  - (a) keunggulan perbandingan (*comparative*), ertinya institusi harus memanfaatkan kekuatan dan peluang untuk meningkatkan posisi kompetitifnya;
  - (b) *progresif*, ertinya BMA berada dalam kondisi prima sehingga sangat memungkinkan untuk terus melakukan pengembangan (*expansion*), memperbesar pertumbuhan dan boleh mendapatkan kejayaan secara maksimum dalam pembangunan industri kecil.

Matlamat utama dalam penyelidikan ini adalah untuk memperjelaskan peranan BMA dalam pembangunan industri kecil. Berdasarkan kepada hasil kajian, penulis dapat mengemukakan bahawa mekanisme pengagihan modal usaha zakat produktif daripada BMA terhadap pembangunan industri kecil dilakukan dengan mudah dan ringkas dalam bentuk pinjaman kebajikan (*qardul hasan*) yang di ansur sampai lunas yang tidak memerlukan jaminan dan insurans. Kajian juga mendapati bahawa pengaruh daripada agihan zakat produktif tersebut telah dapat meningkatkan pendapatan *mustahik* dan tiada lagi dari mereka yang berpendapatan kurang daripada Rp 1 juta ke bawah, serta mereka mampu memenuhi keperluan asas kehidupan rutin seharian termasuk keperluan asas kepada pendidikan, kesihatan, kediaman dan tabungan. Untuk itu, Baitul Mal Aceh telah berperanan dalam mengagihkan zakat secara produktif dengan memberi modal kepada *mustahik* khusus dari kalangan usahawan dan telah memberi kesan yang cukup ketara dalam kelangsungan hidup seharian terutamanya dalam menggerakkan industri kecil. Kemudian berasaskan hasil analisis Matriks SWOT Baitul Mal Aceh memiliki beberapa kekuatan dan peluang dalam pembangunan industri kecil di

antaranya, sokongan undang-undang dan besarnya potensi zakat di Aceh. Manakala kelemahan dan ancaman di antaranya, pentadbiran zakat produktif belum ada format yang standard dan adanya permasalahan dari usahawan. Selanjutnya dalam mengatasi kelemahan dan ancaman BMA berusaha merumuskan strategi yang paling efektif untuk mendorong pencepatan pembangunan industri kecil di antaranya, mengusahakan pentadbiran zakat produktif secara profesional dan menggunakan format yang standar serta berusaha meningkatkan kualiti sumber manusia (*'amil*). Dengan demikian, berdasarkan kepada huraian tersebut, maka objektif kajian yang terdapat dalam penyelidikan ini sudah dapat tercapai.

### **5.3 Cadangan**

Beberapa usul telah dicadangkan oleh responden melalui soal selidik dalam soalan terbuka, pandangan yang dicadangkan secara umum di antaranya: pelaksanaan pengagihan modal usaha melalui dana zakat produktif perlu memberikan kursus latihan keahlian kepada pelaku industri kecil (*asnaf*), sama ada sebelum pengagihan modal usaha mahupun sesudahnya secara bertahap dan berkesinambungan sesuai dengan keahlian (*skill*) yang mereka miliki.

Di samping itu, kursus dan latihan lainnya pun perlu diambil kira tidak hanya terhad pada bidang yang sudah ada sekarang ini (pertanian, penternakan, perniagaan dan sewa beli beca), perlu dikembangkan program-program yang lain supaya para usahawan dapat melakukan berbagai inovasi dalam mengembangkan perusahaannya. Untuk pengawasan dan perkhidmatan terhadap aktiviti usahawan secara berterusan pun perlu ditingkatkan, selain untuk mengawasi penggunaan modal usaha secara benar juga dapat

berkhidmat bagi keperluan usahawan itu sendiri, seperti perkhidmatan terhadap haiwan ternakan *mustahik* sakit yang segera memerlukan rawatan doktor, sehingga *mustahik* dapat melakukan aktivitinya dengan selesa tanpa sebarang hambatan.

Institusi BMA juga diharapkan dapat meneruskan program-programnya dengan lebih intensif, kerana masih ada masyarakat miskin yang masih belum merasakan program pembangunan industri kecil tersebut. Dari sudut bantuan modal usaha, selain dalam bentuk dana (wang), diharapkan juga dalam bentuk benda atau barang. Untuk maklumat lengkap mengenai cadangan responden terhadap Baitul Mal Aceh sila rujuk lampiran C.

Disamping itu, pengurusan zakat produktif perlu ditadbirkan dengan cara yang profesional. Ini kerana, antara sebab mengapa amalan zakat produktif belum dapat memberikan perkhidmatan yang maksimum, selain belum ada format yang standard, disebabkan pula oleh pentadbir zakat itu sendiri yang belum memadai. Untuk itu, perlu dibuat kajian lanjutan terhadap pentadbiran zakat produktif secara lebih profesional dan penyelidikan lanjutan berkaitan dengan kursus latihan bagi para *'amil* agar pelaksanaannya pada masa hadapan lebih baik dan bekesan, serta kajian lanjutan juga dapat dilakukan terhadap fenomena *mustahik (deficit)* untuk menjadi individu *muzakki (surplus)*. Menurut penulis permasalahan ini perlu dibuat penyelidikan lanjutan, memandangkan dana zakat produktif yang diagihkan UPZP BMA adalah begitu besar, manakala perkembangan untuk menjadikan *mustahik* kepada individu *muzakki* tidak seperti yang diharapkan.